

30 JUL 2003

Isa-Air

LIMA KAWASAN TADAHAN HUJAN AKAN DIWARTAKAN, KATA MOHAMED ISA

SEREMBAN, 30 Julai (Bernama) -- Kerajaan Negeri akanewartakan lima kawasan tadahan hujan yang terdapat di negeri ini agar pembangunan yang dijalankan tidak menjejaskan kawasan berkenaan, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Beliau berkata lima kawasan tadahan hujan itu ialah di Empangan Gemencheh di Gemas, Empangan Kuala Pilah dan Talang kedua-duanya di Kuala Pilah, Empangan Sungai Terip dan Kelinci di Seremban.

"Tujuan pewartaan itu ialah bagi memudahkan kerajaan dan orang ramai mengetahui di mana kawasan tadahan hujan dan mengelakkan pembangunan yang boleh menjejaskan kawasan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco, di sini, hari ini.

Usaha untukewartakan kawasan tadahan itu akan dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri.

Langkah pewartaan selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya semalam, katanya.

Ditanya mengenai proses penswastan JBANS, Menteri Besar berkata perkara itu masih di peringkat penelitian Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Diminta mengulas sama ada Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangannya yang terlibat dengan kumpulan haram seperti Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM), Mohamed Isa berkata tindakan tatatertib wajar dikenakan terhadap kakitangan terbabit.

"Namun begitu, sebelum sebarang tindakan diambil, kerajaan akan menunggu laporan penuh daripada polis mengenai sejauh mana penglibatan mereka.

"Tindakan yang akan dikenakan bergantung kepada peringkat penglibatan mereka berdasarkan hasil siasatan polis," katanya.

Setakat ini, beliau belum menerima laporan ada kakitangan kerajaan negeri yang terlibat dalam PKPM.

Menteri Besar menasihatkan anggota PKPM membuat laporan dan menyerah diri kepada polis bagi membantu siasatan kes itu.

-- BERNAMA

APG PR